



## KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

1/118/2019

26 JULAI 2019

### FATWA BERKENAAN HUKUM ZAKAT KE ATAS EMAS GADAIAN<sup>1</sup>

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-118/2019 yang bersidang pada 26 Julai 2019 telah memutuskan bahawa:

1. Hukum zakat ke atas emas gadaian adalah **WAJIB** apabila telah cukup nisab dan haul.<sup>2</sup>

#### <sup>1</sup> 1. Definisi Emas Gadaian

- Gadai, cagar dan pajak adalah satu bentuk transaksi yang dihalalkan oleh syarak.
- Pengertian gadai dari sudut bahasa adalah kekal dan sentiasa.
- Pengertian dari sudut syarak adalah:

جعل عين مال متمولة وثيقة بدين ليستوفى منها تعذر وفائه

**Maksudnya:** "Suatu kontrak yang menjadikan sesuatu barang atau harta sebagai cagar untuk menjamin pelunasan sesuatu hutang."

(Lihat Nihayatul Muhtaj, 4/234)

#### <sup>2</sup> 2. Zakat terbahagi kepada dua (2) bahagian:

- a) **Zakat Zimmah** (tanggungannya) adalah zakat fitrah.
  - b) **Zakat Ain** (barang) adalah zakat ternakan, pertanian, galian, dirham dan dinar.
- Oleh itu, zakat emas adalah zakat yang terkait pada barang ataupun ain emas tadi tidak kira dimana barang tadi berada. Zakat tidak luput daripada barang/ain tadi, seperti yang dinukilkan Imam Nawawi:

لو رهن ماشية أو غيرها من أموال الزكاة، وحال الحول وجبت فيها الزكاة؛ لتمام الملك

**Maksudnya:** "Jika digadaikan ternakan atau lain-lain dari harta yang dizakatkan dan telah cukup haul baginya, maka diwajibkan zakat padanya kerana ia adalah milik sempurna."

(Lihat al-Majmu', 318/5)

2. Kiraan zakat bagi emas gadaian ini berdasarkan formula berikut:

**Nilai emas yang digadai (marhun) – (upah simpan + nilai pembiayaan) x 2.5% = nilai zakat emas gadaian.**

Bertarikh 26 Julai 2019

MJKPHSWP Kali ke 118/2019

**DATUK DR ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI**

Pengerusi

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak

Wilayah Persekutuan



فكرات مفتي ولاية فرانسكو  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

- Imam Syafie menyatakan tiada khilaf pada pandangan ahli ilmu bahawasanya pemilikan barang yang digadai adalah milik penuh penggadai

**(Lihat al-Umm, 3/142)**

3. Gadai adalah salah satu cara kita berhutang. Di dalam kitab **Nihayatul Matlab**, bab gadaian binatang ternakan menyatakan secara kaedahnyanya dalam mazhab syafie, hutang tidak menghalang kewajipan berzakat. Oleh itu, walaupun si penggadai sedang berhutang dengan penerima gadaian namun zakat tidak terhapus kerana hutang. Hal ini dinyatakan di dalam Majmuk Fatawa:

فالزكاة فيها واجبة لا بد منها؛ لأن الرهن لا يسقط الزكاة، ويخرج الزكاة منها، لكن بإذن المرتهن

**Maksudnya:** “Zakat pada harta yang digadaikan adalah wajib tidak kira apa pun, kerana gadaian tidak menggugurkan kewajipan zakat dan pengeluaran zakat daripadanya, tetapi perlu kepada izin penerima gadaian.”

**(Rujuk Majmuk Fatawa, 18/34)**